

Ampang

"Allahuakbar! Jeritan mangsa meminta tolong masing terngiang-ngiang di ingatan hingga kini walaupun enam hari sudah berlalu," ujar anggota bomba dan penyelamat, Mohd Osman Aziz, 25.

Bellau adalah seorang daripada enam anggota bomba yang tiba awal di lokasi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Hujung, di sini, Khamis lalu.

Dia yang kelihatan sebak ketika menceritakan tragedi meragut 23 nyawa itu berkata, masih terbayang-bayang jeritan meminta tolong daripada mangsa.

"Api, api, panas...tolong, itu antara jeritan yang saya dengar sebaik tiba di lokasi kejadian.

"Saya turut melihat mangsa terselamat mengering kesakitan dengan kesan lecir di luar pagar sebelum saya bersama tiga anggota bomba bersama orang awam mengangkat tangga di tepi tingkap," katanya kepada Harian Metro, di sini, semalam.

Dia yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Keramat berkata, dia melihat seorang pelajar tahfiz mendukung kanak-kanak berusia dua tahun sambil bergayut pada alat pendingin hawa.

"Pelajar itu eolah-olah mahu terjun akibat kepanasan sebelum saya memintanya bersabar dan bergegas mengambil tangga.

Jeritan api 'belum' padam

■ Anggota bomba terawal di lokasi kejadian masih terbayang rintihan panas anak tahfiz



ANGGOTA bomba membawa turun mayat pelajar tahfiz dari tingkat tiga.

"Sebaik tangga dipasang, saya menyelamatkan kanak-kanak itu dengan menuruni tangga," katanya yang sudah berkhidmat dengan pasukan bomba selama empat tahun.

Menurutnya, dia kemudian menaiki semula tangga dan menemui tiga lagi kanak-kanak perempuan yang kelihatan ketakutan sebelum membawa mereka turun.

"Ketika itu api cukup marak, saya melihat seorang



MOHD Osman

ustaz menendang pintu untuk memasuki bangunan terbakar bagaimanapun gagal.

"Sebaik semua pasukan bomba tiba di lokasi, api berjaya dipadamkan sebelum saya ke tingkat tiga untuk melihat mangsa," katanya.

Menurutnya, dia yang melihat keadaan mayat mangsa tidak dapat menahan kesedihan.

"Saya terus melaungkan Allahuakbar sekuat hati, tiada apa yang dapat menggambarkan perasaan saya yang begitu sayu dan pilu kerana tidak dapat menyelamatkan mereka.

"Terus terang saya katakan, terbit kekesalan dalam hati kerana gagal menyelamatkan mereka, minta maaf kepada keluarga mangsa," katanya yang berasal dari Kemaman, Terengganu.

Katanya dia turun ke tingkat bawah, termenung dan tidak fokus sambil menunggu pasukan forensik bomba tiba sebaik melihat mayat mangsa.

"Berdasarkan SOP apabila membabitkan kematian, kami tidak boleh mengalihkan atau memegang mayat mangsa sehingga pasukan forensik tiba.

"Sebaik selesai siasatan, saya diarahkan memindahkan mayat mangsa. Saya juga mempunyai adik yang belajar di tahfiz Terengganu, dan membayangkan betapa pilu kehilangan orang tersayang," katanya.

Seperti hilang adik sendiri

Kuala Lumpur: "Saya mempunyai adik sebaya mangsa itu. Ketika melihat keadaan mayat mereka, saya berasa terlalu sedih.

"Saya seperti kehilangan adik sendiri ketika itu. Jika tidak bersedih melihat keadaan itu, saya bukan manusia normal," ujar anggota bomba dan penyelamat, Rahim Mohd Rashid.



"Saya seperti kehilangan adik sendiri ketika itu"
Rahim

Dia yang ditemui wartawan Harian Metro belum dapat melupakan detik sedih memindahkan mayat mangsa ke dalam plastik hitam.

"Itu adalah pengalaman paling hiba sepanjang saya menjadi anggota bomba sejak enam tahun lalu," ujarnya yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Keramat, di sini.

Dia adalah antara kumpulan anggota bomba yang terbabit memadamkan kebakaran pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Khamis lalu.

Meskipun sebagai anggota bomba mereka sudah dilatih dengan pelbagai suasana kecemasan dan kebakaran, namun dia mengakui cukup pilu sebaik melihat keadaan semua mangsa yang maut.

Dia bersama rakan setugas adalah individu membawa pengusung ke tingkat tiga bangunan untuk memindahkan mayat mangsa sebaik pasukan forensik selesai menjalankan tugas.